

Norazlina binti Tun Ibrahim
7, Jalan SS 9/14,
Sungai Way
47300 Petaling Jaya
Selangor

Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC),
Jalan Produktiviti off Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya,
Selangor
(U.P.: Encik Mohd Khairizal Khahidir)

1 Mac 2024

Tuan,

PERMOHONAN MELANJUTKAN TEMPOH CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH (CBBP) DENGAN HADIAH LATIHAN PERSEKUTUAN (HLP) SESI 2022 BAGI NORAZLINA BINTI TUN IBRAHIM (800222-14-5850)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat Tawaran Tetap Hadiah Latihan Persekutuan Untuk Mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Bagi Pegawai Pegawai Kerajaan Persekutuan Program: Hadiah Latihan Persekutuan Sarjana dengan nombor rujukan **JPA(I)800222145850** bertarikh **27 September 2022** adalah berkaitan.

2. Seperti pihak tuan sedia maklum, saya sedang mengikuti pengajian Sarjana Sains Sosial (Pengurusan Komunikasi) di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) secara sepenuh masa bermula 17 Oktober 2022. Program ini memerlukan saya melengkapkan tempoh 4 semester pengajian merangkumi Kursus Wajib 19 jam kredit, Kursus Elektif 9 jam kredit dan 12 jam kredit Tesis Sarjana menjadikan keseluruhannya berjumlah 40 jam kredit pengajian sebelum melayakkan saya dianugerahkan Sarjana Sains Sosial (Pengurusan Komunikasi). Ketika ini saya sedang mengikuti pengajian di semester ke 3 dan akan menyambung pengajian dalam semester ke 4 mulai 11 Mac 2024 sehingga 31 Julai 2024 bagi melengkapkan kajian Tesis Sarjana saya. Kajian Tesis Sarjana ini harus dilaksanakan dalam 2 semester (12 jam kredit), bermula pada semester ke 3 dan dijangka akan lengkap kajian pada akhir semester ke 4.

3. Saya mengambil maklum bahawa kontrak tajaan Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Sesi 2022 yang saya telah tandatangani adalah bermula 17 Oktober 2022 sehingga 16 Jun 2024 sahaja. Namun begitu tempoh tajaan sehingga 16 Jun 2024 tersebut adalah tamat pada pertengahan

semester ke 4 dan tidak mencukupi bagi saya untuk memenuhi keperluan pengajian sepenuh masa 40 jam kredit yang ditetapkan sehingga 31 Julai 2024. Untuk makluman tuan, penetapan 40 jam kredit melalui jangka masa pengajian 4 semester ini adalah suatu keperluan standard yang ditetapkan untuk program ini oleh pihak UKM sejak sekian lama dan kesemua pelajar yang mengikuti program ini adalah tertakluk kepada penetapan ini.

4. Merujuk perkara B.2. Lampiran A kepada Kit Hadiah Latihan Persekutuan (Dalam Negara) Sesi 2022, saya dibenarkan untuk memohon pelanjutan tempoh penajaan bagi menyelesaikan pengajian sekiranya tempoh penajaan yang dimeterai tamat pada pertengahan semester pengajian. Sehubungan itu, saya memohon agar diberikan pelanjutan tempoh Cuti Belajar Bergaji Penuh (CBBP) Dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) Sesi 2022 bermula 17 Jun 2024 sehingga tarikh akhir semester ke 4 iaitu pada 31 Julai 2024 bagi membolehkan saya melengkapkan kajian Tesis Sarjana dan memenuhi keperluan pengajian 40 jam kredit dengan sempurna sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak UKM. Bersama sama ini dikemukakan Surat sokongan daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) untuk makluman tuan.

5. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam mempertimbangkan permohonan ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang Benar,



(NORAZLINA BINTI TUN IBRAHIM)

Emel: p122061@siswa.ukm.edu.my / norazlinampc@gmail.com

Tel.: 017-2463686